

HUBUNGAN ANTARA LATIHAN KESELAMATAN DENGAN AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DALAM BAHAGIAN PEMBUATAN DI HICOM HONDA MANUFACTURING

Zulhizzam Hamzah dan Hazelena Dewi Fatahul Ariffin
Jabatan Pengurusan Potensi Insan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara latihan keselamatan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja di bahagian pembuatan di HICOM HONDA Manufacturing. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik dan menjadikan para pekerja di HICOM HONDA Manufacturing sebagai responden. Antara lain kajian ini bertujuan untuk melihat adakah latihan keselamatan berkadar terus dengan amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan mampukah latihan keselamatan menyumbang kepada pengurangan tahap kemalangan di tempat kerja. Kajian ini diharap akan menjadi rujukan untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan kakitangan organisasi tersebut secara keseluruhannya.

Kata Kunci : Latihan Keselamatan, Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Pendahuluan

Di Malaysia, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP), 1994 yang mula dikuatkuasakan pada 24 Februari 1994 telah menggariskan keperluan minima sebagai panduan dalam menguruskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengenalan akta ini adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dilindungi dari dedahan risiko keselamatan atau kesihatan akibat dari aktiviti pekerjaan.

Kemalangan merupakan sesuatu yang mungkin sukar untuk dihapus namun ia masih boleh diminimakan (Samsuddin Abas, 2012). Akta meletakkan tanggungjawab kepada kedua-dua pihak majikan dan pekerja di mana mereka perlu mengambil tindakan berkesan bagi mengurangkan risiko kejadiannya. Bagi mencapai matlamat untuk mencegah dan mengurangkan risiko kemalangan, penilaian perlu dibuat terhadap setiap aktiviti kerja bagi mengenalpasti dan menganalisa hazard, menilai risiko serta melaksanakan langkah kawalan.(Ismail Bahari, 2006)

Objektif kajian

Mengenalpasti hubungan antara latihan keselamatan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam bahagian pembuatan di Hicom-Honda Manufacturing.

Kepentingan kajian kepada organisasi Hicom-Honda Manufacturing

Hasil kajian ini diharap dapat membantu mengenalpasti kelemahan yang berlaku di dalam organisasi. Melalui kajian ini juga, pihak pentadbiran Hicom-Honda dapat membuat perancangan untuk menambahbaik amalan keselamatan dan kesihatan pekerja di dalam organisasi. Hal ini juga dapat membantu meningkatkan tahap keselamatan pekerja dan memberi kualiti pekerjaan yang lebih cemerlang.

Skop Kajian

Skop kajian hanya melibatkan bahagian pembuatan di Hicom-Honda yang banyak menggunakan mesin-mesin yang boleh membawa bahaya kepada kemalangan jika tidak mengambil langkah berhati-hati. Bahagian pembuatan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang mempunyai risiko kerja tinggi iaitu peleburan, pembentukan enjin dan pemasangan enjin. Jumlah pekerja di bahagian pembuatan ialah seramai 317 orang pekerja.

Latihan Keselamatan

Tanggungjawab umum bagi majikan adalah memberikan latihan kepada setiap pekerja sebagai salah satu keperluan untuk mendedahkan pengetahuan tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja (Davies dan Tomasin, 1990). Seksyen 15(2)(c), AKKP 1994 menyatakan bahawa majikan mestilah mempunyai maklumat mengenai pekerja, mengarahkan cara menjalankan tugas pekerja, memberi latihan cara menjalankan kerja selamat disamping penyeliaan pihak dari pihak majikan semasa pekerja melaksanakan tugas yang diberi. Selain itu, menurut Goldsmith (1987) dan Hinze (1997), apabila semua pekerja mengambil bahagian dalam latihan keselamatan, maka terdapat beberapa kebaikan iaitu sesuatu kerja tersebut dapat dijalankan dengan berkualiti dan mewujudkan kesedaran terhadap keselamatan. Seiring dengan itu, Macollum (1995) menyatakan bahawa pekerja juga harus melibatkan diri dalam latihan dari masa ke semasa. Latihan berkaitan dengan cara perlindungan daripada bahaya risiko, langkah berjaga-jaga semasa menjalankan kerja, prosedur menggunakan peralatan dengan selamat, suasana bekerja yang selamat dan melaporkan kemalangan dan prosedur kecemasan.

Kajian meta-analisis yang dilakukan oleh Peterson (2000) telah meninjau secara keseluruhan penglibatan tahap-tahap pengurusan dalam aspek keselamatan di tempat kerja. Sebanyak 56 buah syarikat yang mempunyai seramai 1.657 juta pekerja daripada semua tahap pengurusan telah dikenalpasti. Berdasarkan data-data melalui soal selidik, tinjauan persepsi pekerja-pekerja bawahan terhadap penglibatan mereka serta pihak pengurus pertengahan dan atasan terhadap keselamatan di tempat kerja telah diperolehi. Kajian ini mendapati pihak pengurusan perengahan dan atasan menunjukkan sikap, sokongan dan kredibiliti pengurusan yang baik terhadap keselamatan di tempat kerja. Mereka menitikberatkan soal-soal pemeriksaan keselamatan, program motivasi dan kepekaan terhadap keselamatan, orientasi pekerja baru dan penghindaran terhadap ancaman keselamatan.

Berdasarkan Kajian tentang pengurusan keselamatan pekerjaan dan kesedaran kesihatan di Tatsumori (M) Sdn. Bhd., Nedun Che Lian (1999) mendapati kumpulan penyelia adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan orang bawahannya. Oleh itu, penyelia harus memberi tunjuk ajar kepada semua pekerja bawahan mereka tentang bagaimana mematuhi aspek keselamatan dalam prosedur kerja harian mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa pekerja bawahan tiada komitmen terhadap peraturan atau pengetahuan keselamatan sepertimana yang diwajibkan oleh undang-undang. Oleh itu, Nedun Che Lian (1999) mengemukakan beberapa cadangan iaitu menekankan program pendidikan serta latihan, kaunseling dan corak aturan kerja yang bersesuaian dengan prinsip keselamatan kerja. Beliau juga menyeru supaya pekerja mengubah tanggapan mereka terhadap aspek keselamatan dan memupuk minat dalam aktiviti-aktiviti yang berteraskan keselamatan pekerjaan.

Menurut Mohd Yusof (2000) dalam kajiannya menyatakan bahawa penyeliaan yang efektif akan dapat mengurangkan kemalangan, kerana penyelia mengetahui tahap pelaksanaan kerja, sama ada kerja mengikut maklumat, arahan kerja selamat dan latihan yang telah diberi. Sekiranya arahan kerja selamat kurang berkesan, ia dapat dikemaskini dan dipertingkatkan, sekiranya

arahan kerja selamat tidak dipatuhi, tindakan boleh diambil terhadap pekerja kerana mendedahkan diri mereka kepada bahaya

Kegagalan majikan merupakan antara penyumbang kepada berlakunya kemalangan di tempat kerja. Di dalam satu kajian yang dijalankan di kalangan pekerja-pekerja industri di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang, Mohd Yusof (2000) cuba meninjau tahap kesedaran di tempat kerja masing-masing. Hasil kajian, berdasarkan maklum balas 100 orang responden mendapati bahawa 85% menyatakan bahawa kekurangan dan kegagalan pihak pengurusan telah menyebabkan banyaknya berlaku kemalangan yang tidak diingini.

Petikan dari "Indah Water Konsortium - Health and Safety Management Component" menyatakan bahawa program latihan yang dianggap berjaya mesti mempunyai elemen-elemen yang berikut:

- a) Tiada siapa kakitangan boleh memulakan kerja sehinggalah ia diberi latihan untuk menjalankan kerja tersebut.
- b) Latihan adalah wajib untuk semua peringkat kakitangan - dari pengurus sehingga ke pekerja bawahan.
- c) Latihan mestilah merangkumi pengenalan hazard, penilaian risiko serta langkah pencegahan dalam setiap aktiviti pekerjaan yang bakal dilaksanakan.
- d) Latihan perlu diselia supaya program mencapai objektif yang ditetapkan.
- e) Peserta latihan perlu dinilai untuk mengetahui tahap pemahaman dan tahap penerimaan latihan yang diberi.
- f) Menyimpan rekod latihan setiap kakitangan bagi rujukan masa hadapan

Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Menurut Dr. Durishah Idrus (2004) aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan suatu pendekatan yang mengkaji hubungan antara pekerjaan, kesihatan dan keselamatan serta kesan sesuatu pekerjaan terhadap pekerja. Aktiviti ini turut menyediakan maklumat mengenai tanggungjawab pekerja dan pengurus dalam membangunkan persekitaran yang selamat.

Dalam kajian lepas, Ab. Aziz dan Intan (2002) berpendapat aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan mempunyai empat rasional atau kepentingan utama iaitu:

- a) Mendapatkan maklumat prestasi individu untuk melihat sejauh mana ia selari dengan prosedur yang dikehendaki.
- b) Menurunkan potensi dan risiko kemalangan kerja.
- c) Mendapatkan maklumat mengenai mana-mana individu yang perlu diberikan ganjaran akibat daripada melaksanakan kerja dengan selamat dan efektif.
- d) Mendapatkan maklumat mengenai mana-mana individu yang masih perlu diberikan program latihan dan pemantapan diri.

Menurut Maimunah Aminuddin (1992), pemeriksaan secara tetap hendaklah dilakukan di tempat kerja untuk memastikan persekitaran kerja dan peralatan serta jentera sentiasa dalam keadaan selamat, di samping dapat menanamkan sikap berhati-hati dan pengamalan keselamatan (safety practice) di kalangan pekerja. Menurutnya juga, dari aspek kesihatan, program-program kesihatan hendaklah diadakan di kilang-kilang, terutamanya dari segi program latihan, sukan dan kecergasan, kempen larangan merokok dan ceramah-ceramah mengenai pemakanan (nutrient) dan pengurusan stress.

Reka Bentuk Kajian

Pengumpulan data dalam kajian ini adalah secara kuantitatif dan instrumen utama yang digunapakai dalam kajian ini adalah kaedah soal selidik.

Hipotesis Kajian

| Hipotesis | Butiran |
|-----------|---|
| H | Latihan keselamatan mempunyai hubungan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerja. |

Kaedah Analisis Data

| Bil | Kaedah Analisis | Fungsi |
|-----|--|--|
| 1 | Analisis kebolehpercayaan Cronbach Alpha | Ujian ini dijalankan untuk mendapatkan tahap kebolehpercayaan bagi setiap soalan yang dimasukkan ke dalam borang kaji selidik. |
| 2 | Analisis frekuensi | Analisis ini dijalankan bertujuan untuk melihat kekerapan dan latar belakang responden. |
| 4 | Korelasi Pearson | Kaedah ini digunakan untuk mencari hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. |

Saiz Sampel

Data merujuk kepada saiz populasi iaitu seramai 317 orang pekerja (100%). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (2007) saiz sampel adalah seramai 169 orang pekerja (56%).

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden.

Analisis Soal Selidik

Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 180 set soal selidik kepada pekerja-pekerja dalam bahagian permbuatan di Hicom Honda Manufacturing sebagai responden. Sebanyak 150 orang responden telah memulangkan set soal selidik itu dan sebanyak 150 borang kaji selidik itu telah diguna pakai dalam kajian ini. Pemerolehan data ini dilakukan selama 3 hari iaitu pada 22 hingga 24 Julai 2013.

Analisis Kebolehpercayaan

Menurut Mohd Majid Konting dalam Amad Johari Sihes dan Safiah Ahmad(2000), kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan kepada instrumen pengukuran. Instrumen kajian yang memperolehi nilai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberikan keputusan yang tepat untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Koefisien Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) pada soal selidik kajian ini ialah 0.739 untuk latihan keselamatan dan 0.707 untuk amalan keselamatan dan kesihatan.

Analisis Ujian Korelasi Pearson

Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk menguji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

Jadual 4.9 : Jadual Korelasi Pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar

| Faktor yang Mempengaruhi Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja | Hubungan Korelasi | Nilai Signifikan |
|--|--------------------------|-------------------------|
| Latihan Keselamatan | .446** | .000 |

** . Korelasi Signifikan pada aras 0.01 (2 hujung).

Dari jadual 4.9, nilai korelasi Pearson bagi Latihan Keselamatan ialah 0.446 membawa maksud ada hubungan antara Latihan Keselamatan dengan Amalan Keselamatan dan Kesihatan pekerja . Hubungan korelasi antara Latihan Keselamatan dengan Amalan Keselamatan adalah sederhana yang ditunjukkan dengan korelasi 0.446. Dengan P-value/sig 0.000<0.05, dapat disimpulkan terdapat hubungan yang positif antara dua pemboleh ubah ini dan hipotesis diterima.

Perbincangan Objektif Kajian:

Mengenalpasti hubungan diantara latihan keselamatan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam bahagian pembuatan di Hicom-Honda Manufacturing.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dianalisis, faktor latihan keselamatan mempunyai nilai korelasi yang baik dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu 0.446**. Ini menunjukkan nilai signifikansi positif dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Apabila hubungan yang terjalin adalah positif, maka peningkatan latihan keselamatan akan memberi kesan baik kepada pekerja dalam mengamalkan cara kerja selamat di tempat kerja.

Hasil kajian ini turut disokong oleh Mohd Ismandi (2003) yang pernah melakukan kajian terhadap pekerja kilang elektrik SHARP di Batu Pahat. Beliau mendapati latihan keselamatan mempunyai tahap korelasi $r = 0.605$ dengan tahap signifikan 0.000 ($p < 0.01$). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara latihan keselamatan dengan tahap penerimaan dan pengaplikasian peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja.

Antara kajian lain yang turut menyokong kajian ini adalah hasil kajian yang dilakukan oleh Samsuddin Abas (2012) berkenaan kesedaran staf di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, beliau mendapati kesedaran responden terhadap kepentingan latihan dalam memastikan keselamatan pekerja terjamin adalah pada tahap tertinggi iaitu dengan mencatatkan min skor 4.53. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila 245 orang (98.7%) responden mengatakan bahawa program latihan keselamatan adalah penting.

Davies dan Tomasin (1996) menyatakan latihan keselamatan yang berkesan akan dapat meningkatkan pengurusan keselamatan seseorang pekerja tersebut.

Limitasi Kajian

Responden bagi kajian ini ialah pekerja-pekerja dalam bahagian pembuatan di Hicom-Honda Manufacturing, responden perlu menjawab borang kaji selidik di mana waktu rehat dan masa

menjawab adalah terhad. Walaupun kerjasama yang diterima adalah baik, ada di antara responden yang tidak memulangkan borang kaji selidik. Selain itu, jawapan soal selidik yang diterima juga kurang meyakinkan. Ini kerana terdapat kemungkinan responden menjawab secara rawak dan tidak memahami soalan dengan betul.

Kesimpulan

Berdasarkan ringkasan yang dibuat, terdapat hubungan antara latihan keselamatan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam bahagian pembuatan di HICOM HONDA Manufacturing.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof dan Intan Osman (2002). "Pengurusan Sumber Manusia: Konsep, Isu dan Perlaksanaan." Edisi Pertama, Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Ahmad Nazri Hj Abdul Azid, Juhary Hj. Ali dan Roselina Ahmad Saufi (1999). "Factor influencing the implementation of occupational safety and health in the electronics and electrical industry." Asian Academy of management Conference Prosiding. Kuala Terengganu, Malaysia.
- Ahmad Zainoreen Bin Abdul Jalil (2006). "Kajian Kes: Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Telekom Malaysia Berhad." Universiti Teknologi Malaysia.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (akta 514).
- Chua Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan, Asas Penyelidikan Buku 2 McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd."
- Chua Yan Piaw (2006). "Kaedah Asas Penyelidikan, Asas Penyelidikan Buku 1 McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd."
- Collis, Jill dan Hussey, Roger (2009). "Business Research: A Practical Guide for graduate and undergraduate, edisi ke-3." United Kingdom, palgrave Macmillan.
- Davies V. J. and Tomasin K. (1996). "Construction Safety Handbook" London: Thomas Telford Ltd.
- Dr. Durrishah Idrus, Hamidah Ab. Rahman, Hapriza Ashari, Fadilah Zaini, Rosilah Jamil & Syahrizatul Noorizwan Muktar (2004). "Kajian Kesedaran Staf UTM Terhadap Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja."
- Dr. Ismail Bahari (2006). "Pengaturan Kendiri Di Dalam Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan." Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Flynn, G. (1994). "Company Strive For Yawn-Free Safety Awareness." Personal Journal, Jun, Vol 73 Issues 7.
- Goldsmith, D. (1987). "Safety Management In Construction and Industry." New Jersey: McGraw-Hill.
- Hapriza Ashari dan Roshazliawati Mohd Nor (2007). "Strategi Perundangan Untuk Mengurus Keselamatan dan kesihatan di Tempat Kerja." Universiti Teknologi Malaysia.
- Hinze, J. W. (1997). "Construction Safety." Columbus, Ohio : Prentice Hall.
- Hommadi A. H. (1985). "Industrial and Occupational Safety Health and Hygiene. New Delhi: India Bibliographies Bureau.
- Ivancevich, J. M. (2001). "Human Resource management." Boston, Irwin.
- Jabatan Sumber Manusia Hicom-Honda Manufacturing, Sungai Petani, Kedah.

- Jill Collis and Roger Hussey. (2009) "Business Research, A Practical Guide For Undergraduate & Post graduate Student." Palgrave Macmillan, Third Edition.
- Krejcie, Robert V. dan Morgan, Daryle W. (1970). "Determining Sample Size For Research Activities. Pendidikan dan Pengukuran Psikologi 1970, 30, 607-610." University Of Minnesota, Duluth dan Texas A. & M. University.
- Macollum, D. V. (1995). "Construction Safety Planning." United States of America: Van Norstrand Reinhold.
- Mahathevan, R. (1984). "Occupational Health and Industrial Safety: Proposal for Legislative reform. Safety at Work in Malaysia: An Anthology of Current Research." Institute of Advance Studies, Seminar Proceedings PRO No 6, University of Malaya, Kuala Lumpur. (1991)
- Maimunah Aminuddin (1992). "A Guide to Personnel Management." Kuala Lumpur, Fajar Bakti.
- Mohd Asrul Rafiin (2005). "Keselamatan dan Kesihatan Di Malaysia - Kajian Pematuhan Peraturan Di Syarikat Terpilih." Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Ismandi (2003). Tahap Penerimaan dan Pengaplikasian Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Di Kalangan Pekerja: Satu Kajian Kes Di Kilang Elektrik SHARP, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim." Universiti Utara Malaysia".
- Mohd Majid Konting, Johari Sihes dan Safiah Ahmad (2000). "Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Kemahiran Hidup Di Fakulti Pendidikan." Universiti Teknologi Malaysia.
- Nedun Che Lian (1999). "Occupational Safety Management and Health Awareness Research in Tatsumori (M) Sdn. Bhd." Faculty of Business Management, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aqilah Mohamad Riza (2010). " Pematuhan Terhadap Akta OSHA 1994: Kajian Kes Di Sebuah Institusi Pengajian Swasta (Persepsi Pekerja)." Universiti Utara Malaysia.
- Occupational Safety and Health Assessment Series, 18002 (OHSAS 18002) dan (ISO/IEC Guide 51:1999)
- Payne, M. (1988). "Do employees know best?" Safety & Health, 137(2), p. 15.
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO, 2010) - Laporan Tahunan
- Peterson, D. (2000). "Safety Management 2000." Professional Safety, Jan 2000, 45(1), 16-19.
- Ramlan Zainal Abidin (1997). "Latihan Dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Di Tempat Kerja : SAdu Kajian Di Kilang X (M) Sdn. Bhd." Projek Sarjana Pengurusan Teknologi : Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohani Abdul Ghani, Mustafa Daud dan Muhammad Ali Embi (1997). Kajian Pendidikan Islam di Negeri Kedah Darul Aman." Pusat Penyelidikan dan Perundangan, Universiti Utara Malaysia
- Samsuddin Abas (2012). "Kajian Tahap Kesedaran Staf / Kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja." Universiti Utara Malaysia.
- Siti Lailasari Mohamad Razeman (2010). "Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Penang Port Sdn. Bhd." Universiti Teknologi Malaysia.
- Steve Morris and Graham Willcocks (1996). "Preventing accident and illness at work, health and safety in practice." London: Pitman Publishing.
- Suliyanto (2011). "Perbedaan Pandangan Skala Likert Sebagai Skala Ordinal Atau Interval. Prosiding Seminar Nasional Statistika." Universitas Diponegoro.
- Umi Narimawati (2008;98) "Metodologi Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif: Teori dan Aplikasi"

Wan Rosmini Hassan (2000). "Tahap Kesedaran Pekerjaan Berhubungan Dengan Keselamatan Dan Kesihatan Di Tempat Kerja: Suatu Kajian Kes di Hume Coemboard Berhad, Primaboard Division." Universiti Utara Malaysia.